**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**
**BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 Mei 2021**
**15 Syawal 1442H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| **Berita Harian** | |
| **Harian Metro** | |
| **Kosmo !** | • Mengadili kecantikan ikan laga<br>• Platform lonjakkan nilai ikan hiasan di pasaran<br>• Harga ikan laga tidak tetap |
| **Sinar Harian** | |
| **The Star** | |
| **New Straits Time** | |
| **Nanyang Siang Pau** | |
| **Malaysia Gazette** | |
| **Harakah** | |
| **Malaysia Dateline** | |
| **Bernama** | |
| **See Hua Daily News (Kuching)** | |
| **Guan Ming Daily** | |
| **Sin Chew Daily** | |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | / | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | 15 | 27/05/2021 |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ……………………………… | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | | |



k2

Menyelami Hidup Anda

KHAMIS 27.05.2021

kosmo

# Mengadili kecantikan ikan laga

PERTANDINGAN kecantikan ikan laga, Ampang Betta 2021 yang menerima lebih 5,000 penyertaan dari seluruh negara membuktikan bahawa hobi memelihara ikan laga semakin memuncak di Malaysia selain berkembang luasnya komuniti peminat tegar ikan hiasan itu yang menjadikannya sebagai salah satu sumber pendapatan.

Kosmo!

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | | *KOSMO !* | / | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | | 16 | 27/05/2021 |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | | |
| *HARIAN METRO* | | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI ………………………………* | | | |

| *KATEGORI LIPUTAN :* | *POSITIF* | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|





SALAH seorang juri pertandingan kecantikan ikan laga, Ampang Betta 2021 meneliti setiap ikan dipertandingkan dengan mengesan sebarang cacat cela atau ketidaksempurnaan.

PARA pemilik ikan laga akan meninggalkan ikan-ikan laga mereka untuk dinilai oleh para juri.

# Platform lonjakkan nilai ikan hiasan di pasaran

Rencana Utama

Oleh FARID AHMAD TARMIJI

"WALAUPUN perjalanan untuk sampai ke sini agak jauh, kami tetap hadir bagi membolehkan ikan-ikan laga kami menyertai pertandingan ini.

"Menerusi pertandingan sebeginilah ikan-ikan laga akan naik nilainya di pasaran seandainya berjaya memenangi mana-mana kategori yang dipertandingkan," kata seorang pemilik ikan laga, Khairul Anuar Jasmi penuh keterujaan kepada K2.

Menurut Khairul Anuar, dia dan rakan-rakannya yang lain terpaksa menempuh perjalanan melebihi 200 kilometer dari Muadzam Shah, Pahang menuju ke Desa Pandan, Kuala Lumpur bagi menyertai pertandingan kecantikan ikan laga, Ampang Betta 2021 yang berlangsung pada bulan lalu.

Penganjuran pertandingan tersebut mendapat kebenaran pihak berkuasa sewaktu Lembah Klang berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada masa itu.

Untuk menyertai pertandingan yang amat dinanti-nantikan itu, dia telah membawa lebih 100 ikan laga untuk dipertandingkan dalam beberapa kategori.

"Ikan-ikan ini bukan milik saya seorang, tetapi milik rakan-rakan lain juga dari Muadzam Shah yang menyertai pertandingan ini.

"Kebanyakan ikan yang menyertai pertandingan ini dibiak sendiri oleh kami," katanya.

Selain memelihara dan membiak ikan laga, Khairul Anuar juga menjualnya kepada mereka yang memiliki hobi sama.

Dia menyertai pertandingan itu kerana minatnya terhadap ikan laga.

Bila berbicara tentang ikan laga, dahulu ikan laga mungkin tidak dipandang dan hanya dijadikan sebagai ikan hiasan untuk dipelihara bagi mengisi masa terluang.

Tetapi kini keadaan sudah berubah apabila ikan air tawar kecil yang tergolong dalam genus Betta yang ditemui di sekitar Asia Tenggara itu mula mendapat perhatian oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Maka tidak hairanlah, kini banyak pertandingan kecantikan ikan hiasan dianjurkan di seluruh negara dan antara yang terkenal ialah pertandingan kecantikan ikan laga, Ampang Betta 2021.

Dalam pada itu, juri bagi pertandingan kecantikan ikan laga Ampang Betta 2021, Anas Hazmi Mohd. menjelaskan, tugas juri adalah untuk mencari kesalahan dan ketidaksempurnaan pada ikan laga yang bertanding.

"Ikan yang paling kurang kesalahan dan menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan akan diumumkan sebagai pemenang.

"Oleh itu, tugas juri adalah untuk mencari kesalahan yang ada pada ikan. Walaupun ikan itu rupanya cantik tetapi jika ia mempunyai kesalahan dan tidak menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan, ia tidak akan diangkat sebagai

KECANTIKAN ikan laga dinilai oleh para juri berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan mengikut kategori yang disertai.

**INFO**

**Ampang Beta 2021**

- Diadakan di Desa Pandan, Kuala Lumpur
- Menawarkan 175 kategori
- Disertai seramai 5,000 peserta
- Seramai 15 juri terlibat dalam proses penilaian

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | / | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | 17 | 27/05/2021 |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ……………………………… | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | | |





pemenang," jelasnya.

Sementara itu, Anas Hazmi yang telah menjadi juri sejak tahun 2019 menjelaskan terdapat pelbagai kategori dipertandingkan dan tugas juri akan mencari ikan terbaik bagi setiap kategori.

Antara kategori yang dipertandingkan termasuk kategori jenis *halfmoon*, *doubletail*, *crowntail*, *fancy*, *solid* dan lain-lain lagi.

Ikan-ikan tersebut akan diletakkan di bawah lampu bagi memudahkan pihak juri membuat penilaian.

"Sebagai contoh bagi kategori *solid*, ikan itu mestilah hanya satu warna dan jika ada warna lain pada ikan itu markah akan ditolak.

"Sementara itu, bagi kategori *fancy* pula ikan laga itu haruslah memenuhi syarat asas iaitu dengan memiliki tiga warna," jelas Anas Hazmi.

Tambahnya, bagi kategori *halfmoon* pula ikan itu mestilah mempunyai ekor panjang dan apabila ekornya mengembang akan kelihatan seperti separa bulan.

Selain itu, juri juga akan meneliti beberapa aspek lain yang ada pada ikan laga tersebut ketika membuat penilaian.

Dalam pada itu, Anas Hazmi menjelaskan, kebanyakan ikan yang dihantar menyertai pertandingan sememangnya sudah menepati kriteria untuk setiap kategori yang dipertandingkan.

Justeru, itulah yang menjadi cabaran kepada pihak juri dalam mencari pemenang selain mengesan kesalahan yang ada pada ikan laga.

"Sebanyak 15 juri akan terlibat dalam penilaian ikan laga ini. Sudah semestinya akan wujud pertikaian antara juri juga dalam membuat penilaian.

"Tetapi sebagai juri kami akan memilih ikan yang mempunyai kurang kesalahan dan cacat-cela untuk diangkat sebagai pemenang," tegasnya.

Dalam pada itu bagi pengarah program pertandingan kecantikan ikan laga, Ampang Betta 2021, Megat Mohd. Hazim Megat Ahmad Azizuddin berkata, dia dan rakan-rakan lain mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan tersebut setelah melihat ramai masyarakat di negara ini semakin menunjukkan minat terhadap ikan laga.



IKAN laga kini semakin diminati ramai kerana rupanya yang cukup menarik.

Menurutnya, tujuan utama dia menganjurkan pertandingan tersebut adalah untuk memberi peluang kepada para pencinta ikan laga mempertandingkan ikan-ikan mereka dalam satu pertandingan.

"Kini kita tengok masyarakat dari pelbagai peringkat usia semakin berminat dengan ikan laga ini.

"Oleh itu, melalui pertandingan ini, ia akan memberikan pengalaman terutamanya kepada mereka yang baru terlibat dengan hobi menarik ini untuk menguji dan menilai kecantikan ikan mereka," katanya.

Tambahnya, melalui pertandingan sedemikian juga mereka dapat mengumpul lebih ramai peminat baharu dalam industri ikan laga di negara ini.

Megat Mohd. Hazim turut menjelaskan, kebanyakan ikan laga yang menyertai pertandingan itu sudah sedia bernilai serendah RM150 sehingga ribuan ringgit seekor.

Melalui pertandingan sedemikian juga akan meningkatkan lagi nilai ikan-ikan laga tersebut jika ia diangkat sebagai pemenang.

"Ikan laga memang boleh mencecah harga ribuan ringgit dan orang sanggup membelinya dengan harga tinggi apatah lagi jika mereka tahu ikan laga tersebut pernah memenangi pertandingan sebegini," katanya.

Menjelaskan lanjut mengenai pertandingan ini, sebanyak 175 kategori dipertandingkan dalam pertandingan tersebut.

"Kami menerima lebih 5,000 penyertaan dari seluruh Malaysia. Kami sendiri tidak menjangkakan pertandingan ini mendapat sambutan yang cukup menggalakkan.

"Kami turut menyediakan surat jemputan bagi memudahkan para peserta dari luar untuk datang memandangkan pertandingan ini diadakan sewaktu PKPB sedang berlangsung," jelasnya.

Dalam pada itu, Megat Mohd. Hazim turut melihat perkembangan yang positif dalam industri ikan laga di negara ini.

Jumlah peminat ikan laga juga semakin bertambah dan ada yang mengambil inisiatif menjadi pembiak serta menjual ikan-ikan laga mereka.

"Oleh itu, pertandingan sebegini akan merancakkan lagi industri ikan laga di negara ini.

"Saya berharap lebih ramai akan tampil ke hadapan menganjurkan pertandingan sebegini. Kami sendiri akan terus menganjurkan pertandingan ini setelah melihat sambutan yang diterima amat baik," ujarnya.



SEORANG peserta sedang melihat ikan laga miliknya untuk dipertandingkan.



IKAN-IKAN laga yang menyertai pertandingan ini diletakkan di dalam akuarium kecil dan diasingkan mengikut kategori.



MOHD. FAJIHA

# Harga ikan laga tidak tetap

MUTAKHIR ini ikan laga atau nama saintifiknya *Betta splendens* menjadi buruan peminat ikan hiasan untuk dipelihara.

Mempunyai warna yang menarik serta ekor yang unik menjadikan ikan ini mempunyai nilai yang boleh dikatakan agak tinggi di pasaran.

Penjual ikan laga, Mohd. Fajiha Alaihis Mustafa, 31, berkata, permintaan terhadap ikan laga kini semakin bertambah.

"Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama diadakan pada Mac tahun lalu, saya dapati lebih 300 peniaga baharu menyertai industri ikan laga ini.

"Malah, saya sendiri menerima permintaan yang tinggi terhadap ikan laga ini," jelasnya yang sudah sembilan tahun menceburi perniagaan ikan laga.

Mohd. Fajiha menegaskan, dia turut membiakkan ikan laga bagi memenuhi tuntutan pasaran.

Menurutnya, ikan laga ini mudah untuk dibiakkan tetapi sukar untuk dijaga.

"Membesarkan ikan ini perlu ada pengalaman. Kita kena tahu makanan dan air apa yang perlu untuk ikan ini membesar.

"Jika tidak kena penjagaannya, ikan ini boleh mati," terangnya.

Mohd. Fajiha turut menerangkan, ikan laga pada masa ini memiliki harga yang bernilai tinggi.

Menurutnya, dia sendiri pernah menjual ikan laga pada harga ribuan ringgit.

"Harga ikan laga ini juga tidak tetap dan mengikut musim.

"Jika keluar baka-baka ikan laga baharu, kebiasaannya ikan itu akan menjadi mahal," terangnya.

Sementara itu, Fajiha menjelaskan, dia turut menjual ikan laga yang sesuai untuk memasuki sesuatu pertandingan.

"Untuk pertandingan ikan laga ini cantik pada pandangan mata kita belum tentu 'cantik' di mata juri. Tambahan pula kecantikan itu sesuatu yang subjektif. Sebaliknya, biarpun seseekor ikan itu kelihatan tidak cantik tetapi sempurna dan kurang ciri-ciri kesalahan, ia berpeluang diangkat sebagai juara," jelasnya.